

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 6/3/2016

Muka surat: 7

Tajuk : Tawar khidmat terbaik untuk hadapi negara tua

**Tempatan**Ahad, 6 Mac 2016 **Utusan Borneo** /7

# Tawar khidmat terbaik untuk hadapi negara tua

Pengamal perubatan sektor awam dan swasta diseru bersedia, belajar daripada pengalaman S'pura



**TERIMALAH:** Dr Jerip (kiri) menyerahkan replika cek kepada Ahmad Hata (kanan) pada Persidangan Kejururawatan UNIMAS Ke-7 semalam.

Oleh Henrietta Liza

KUCHING: Pengamal perubatan sektor kerajaan dan swasta diharap bersedia menghadapi negara tua dengan menawarkan kualiti perkhidmatan terbaik.

Menteri Muda Kesihatan Awam, Datuk Dr Jerip Susil percaya rakyat semakin meniti usia memerlukan lebih banyak perkhidmatan tersebut.

"Perkara ini bukan baharu berlaku di negara maju dan tidak lama lagi turut berlaku di negara ini."

"Pendekatan serius mengenainya perlu diambil serta-merta. Justeru adanya persidangan ini kita dapat mendapat sedikit pengalaman daripada delegasi negara Singapura," katanya.

**“ Pendekatan serius mengenainya perlu diambil serta-merta. Justeru adanya persidangan ini kita dapat mendapat sedikit pengalaman daripada delegasi negara Singapura. ”**

Datuk Dr Jerip Susil  
Menteri Muda Kesihatan Awam

Beliau berkata demikian pada Persidangan Kejururawatan UNIMAS Ke-7 di sini, semalam.

Seramai lebih 500 peserta pelajar kejururawatan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Brunei, Sabah, Singapura dan Semenanjung Malaysia menyertai seminar berkenaan.

Beliau menjelaskan, usaha

mewujud perkongsian idea, pengetahuan dan pengalaman penting bagi menambah baik status pengamal perubatan hari ini.

Dr Jerip menasihat agar setiap perkhidmatan dan keperluan masyarakat memerlukan perkhidmatan kesihatan dipenuhi dengan tidak mengabaikan keselamatan kakitangan pengamal perubatan.

"Ia dilihat serius kerana pertambahan pelbagai jenis penyakit serta pertambahan populasi semakin meningkat malah memerlukan perkhid-

matan efektif serta efisien," tegasnya.

Katanya, graduan sudah tamat pengajian boleh mencuba nasib dan bekerja di negara banyak menggunakan sumber manusia seperti Australia, New Zealand dan Arab Saudi.

Pada majlis yang sama beliau turut menyerahkan replika cek bernilai RM20,000 kepada Persatuan Alumni Perubatan dan Kejururawatan UNIMAS di sini.

Turut hadir sama semalam adalah Timbalan Naib Canselor UNIMAS, Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman, Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS, Profesor Dr. Ahmad Hata Rasit dan Ketua Jabatan Kejururawatan UNIMAS, Dr Zabidah Putit.